

PM mahu rakyat jadi promoter' tarik pelabur

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**

PUTRAJAYA 2 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat Malaysia yang bekerja dan memegang jawatan tinggi dalam syarikat-syarikat besar di luar negara supaya bertindak sebagai 'promoter' dengan menyarankan pelaburan, penempatan cawangan atau operasi syarikat mereka di negara ini.

Perdana Menteri yang baru sahaja membuat lawatan ke Amerika Syarikat, Perancis dan England berkongsi pengalaman beliau bertemu ramai rakyat tempatan yang berada di sana daripada kalangan pelajar, penyelidik, ahli perniagaan termasuk eksekutif dalam sektor swasta.

Walaupun jauh di perantaraan, Abdullah berkata, mereka tetap bangga menjadi rakyat Malaysia dan beliau yakin mereka dapat memberi jawapan yang tepat kepada pertanyaan orang asing tentang negara ini dan usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk pembangunan negara.

"Saya maklumkan usaha kita mendapatkan rakyat Malaysia di luar negara yang ada pengalaman dan kebolehan untuk turut memberi sumbangan kepada negara sama ada balik ke tanah air atau mewujudkan cawangan atau syarikat mereka di dalam negara atau memindahkan operasi syarikat di sini.

"Bagi yang bekerja dengan syarikat-syarikat besar asing, mereka boleh menjadi *promoter* kepada syarikat mereka supaya diadakan pelaburan di negara kita," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa mereka boleh menyarankan pelaburan dalam bidang bioteknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) iaitu dua

bidang penting yang dilihat oleh beliau boleh menjadi pemangkin dalam menjayakan pembangunan sektor-sektor ekonomi lain dalam negara.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana, di sini hari ini. Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, menteri-menteri dan timbalan menteri di JPM.

Menurut Perdana Menteri, dalam pertemuannya dengan rakyat Malaysia khususnya para pelajar di ketiga-tiga negara, beliau mengingatkan mereka supaya kembali ke tanah air setelah menamatkan pengajian kerana khidmat dan kepakaran mereka diperlukan di dalam negara.

Perniagaan

Dalam pada itu, Abdullah yakin pelaburan dan rangkaian perniagaan Malaysia dengan ketiga-tiga negara, Amerika Syarikat, Perancis dan Britain akan bertambah baik selepas ini.

"Saya berkesempatan berjumpa ahli perniagaan dan korporat dari negara berkenaan dan mendapati mereka ada keyakinan terhadap ekonomi negara, keselamatan dan kestabilan politik negara.

"Ini bermakna iklim pelaburan di negara kita adalah baik dan akan terus menjadi baik, maka kita akan lihat bertambah pelaburan dan rangkaian perniagaan Malaysia dengan negara tersebut," katanya.

Justeru Perdana Menteri mengingatkan dengan iklim sebegini baik adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota masyarakat khususnya sektor awam untuk berusaha bersungguh-sungguh memastikan sistem khidmat kerajaan dapat diperbaiki dan dipertingkatkan kecekapan-



NAJIB Tun Razak (kanan) dan Mohamed Nazri Aziz (kiri) mengiringi Abdullah Ahmad Badawi selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Putra, Putrajaya, semalam. — Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI

nya demi menjamin perkhidmatan yang bermutu.

Baginya, ini penting dititikberatkan sejajar dengan usaha kerajaan menurunkan

kos perkhidmatan sektor awam. tetapi pada masa yang sama terus memastikan keputusan yang dibuat sentiasa cepat, tepat dan bermutu tinggi.

"Jika ini dapat dilakukan Insyah-Allah keyakinan terhadap negara akan bertambah," katanya.